

S

11 OCT 2001

Asean-Keganasan

MESYUARAT ANTI KEGANASAN ASEAN DICADANGKAN DI MALAYSIA

SINGAPURA, 11 Okt (Bernama) -- Satu mesyuarat khas menteri-menteri Asean bagi memerangi keganasan telah dicadangkan di Malaysia pada April depan, kata Timbalan Menteri Dalam Negeri Malaysia Datuk Chor Chee Heung.

Cadangan itu telah dibincangkan oleh para pegawai kanan keselamatan Asean sebelum Mesyuarat Menteri-menteri Asean ketiga bagi Jenayah Merentasi Sempadan yang bermula di sini hari ini.

"Kalau tiada aral melintang, kami akan menganjurkan mesyuarat itu sekitar April," kata Chor yang mewakili Malaysia pada persidangan jenayah merentasi sempadan itu.

Bercakap kepada pemberita Malaysia, Chor berkata satu mesyuarat Kumpulan pakar mengenai keganasan juga dirancang di Jakarta pada Januari.

Semasa berucap pada mesyuarat menteri-menteri selama sehari di sini, yang diadakan sebulan selepas serangan dahsyat 11 Sept ke atas Amerika Syarikat itu, Chor berkata Malaysia mengutuk sebarang bentuk keganasan, dan menurutnya "keganasan atas apa jua alasan dan motif tidak boleh diterima."

Beliau juga mengulangi cadangan yang dibuat oleh Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi satu persidangan antarabangsa mengenai keganasan diadakan secepat mungkin di bawah naungan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Chor berkata Malaysia bersedia bekerjasama dengan negara-negara lain dalam memerangi jenayah dan mengekalkan undang-undang dan ketenteraman antarabangsa.

"Malaysia bersedia untuk bekerjasama dengan jiran-jiran serantaunya dalam perang ini. Namun, Malaysia ingin mengulangi bahawa ia tidak menyokong melancarkan perang terhadap mana-mana negara hanya kerana ia disyaki melindungi pengganas kerana ia pastinya akan turut mengorbankan nyawa mereka yang tidak bersalah," katanya.

Mengenai modus operandi baru dalam jenayah merentasi sempadan, Chor berkata terdapat keperluan mendesak bagi kerajaan-kerajaan untuk saling bekerjasama bagi lebih efektif dalam menangani aktiviti pengganas yang akan menjejaskan ekonomi, keselamatan dan kestabilan negara-negara.

Beliau berkata oleh kerana kumpulan pengganas sentiasa bergerak, Malaysia, sama seperti negara lain, mungkin digunakan sebagai saluran bagi aktiviti pengganas.

"Misalnya, pada 1972, Kumpulan Al-Fatah dipercayai telah menggunakan Malaysia untuk menghantar surat berisi bom ke Amerika Syarikat dan Eropah. Dan pada 1995, Malaysia memainkan peranannya dalam mengesan dan menangkap Wali Amin Khan Shah, veteran perang Afghanistan yang dikehendaki, yang merupakan pakar membuat bom" katanya.

Menggariskan kempen Malaysia menentang keganasan, Chor berkata Malaysia telah melaksanakan beberapa siri langkah tegas dan menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) terhadap individu yang dipercayai ada pertalian dengan kumpulan pengganas.

Malaysia juga telah menggerakkan pengawasan dan risikan dalam mengawasi situasi itu.

Mengenai barisan hadapan antarabangsa, beliau berkata Malaysia telah memperakui tiga konvensyen antarabangsa berkaitan keganasan dan penerbangan awam dan juga menguatkuasakan peraturan domestik melalui Akta Kesalahan-kesalahan Penerbangan 1984.

Tiga konvensyen antarabangsa itu ialah Konvensyen Tokyo 1963 bagi Kesalahan dan Tindakan Tertentu Lain Yang Dilakukan Dalam Pesawat,

Konvensyen Hague 1970 bagi Tindakan Menumpaskan Perbuatan Melanggari Undang-undang Keselamatan Penerbangan Awam dan Konvensyen Montreal 1971 bagi Tindakan Menumpaskan Perbuatan Melanggari Undang-undang Keselamatan Penerbangan Awam.

Mesyuarat menteri-menteri bagi jenayah merentasi sempadan itu dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri Singapura Lee Hsien Loong yang menggesa negara-negara Asean menyokong usaha anti keganasan global dan bekerjasama rapat dalam pertukaran maklumat dan risikan.

Beliau juga berkata Asean perlu bekerjasama dengan masyarakat antarabangsa bagi menangani pelaburan wang haram dalam usaha memerangi keganasan.

Dalam satu pernyataan yang dikeluarkan pada akhir mesyuarat mereka, Menteri-menteri Dalam Negeri Asean berikrar untuk bekerjasama rapat dengan masyarakat antarabangsa dan memperkukuhkan kerjasama di kalangan agensi penguatkuasa mereka bagi memerangi keganasan.

Menteri-menteri itu juga bersetuju untuk mengadakan secepat mungkin mesyuarat kumpulan pakar sementara untuk melaksanakan pelan tindakan Asean bagi memerangi jenayah merentasi sempadan dengan menumpukan pada keganasan.

Ini akan diikuti dengan mesyuarat pegawai kanan keselamatan perkumpulan itu dan mesyuarat khas menteri-menteri Asean mengenai keganasan dengan Malaysia menjadi tuan rumah.

"Kami berazam untuk memerangi ancaman terhadap keamanan, keselamatan dan kemanusiaan antarabangsa yang diakibatkan oleh tindakan pengganas," kata mereka dalam pernyataan itu.

Menteri-menteri itu juga bersetuju untuk berkerja dengan agensi antarabangsa termasuk Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan Interpol untuk memerangi jenayah siber.

-- BERNAMA

TCL RHM